

**SULIT**

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN  
KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN**

**MODUL IV**

**AL-QURAN & PEMBINAAN MASYARAKAT**

**JULAI 2018**

**MASA : 1 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA PESERTA:**

1. Jangan buka kertas soalan ini sehingga diberitahu.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.
3. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja dan setiap soalan mempunyai **25 markah**.
4. Peserta dikehendaki menjawab **SATU (1)** soalan sahaja.

(Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak termasuk muka hadapan)

**Arahan : Sila Jawab SATU Soalan Sahaja**

**Soalan Pertama**

(1) Sebutkan **falsafah** masyarakat menurut Al-Quran dan **ciri-ciri** masyarakat Islam.

(9 markah)

(2) Masyarakat Islam adalah masyarakat yang maju dari aspek rohani dan jasmani. Masyarakat yang maju akan mengundang musuh yang bersifat hasad dan dengki bertujuan menjatuhkan sekaligus menghancurkan umat Islam secara keseluruhan. Huraikan musuh-musuh masyarakat Islam secara terperinci.

(6 markah)

(3) Tamadun Islam dibangunkan dengan unsur-unsur yang tertentu yang merupakan lambang kepada ketamadunan sesuatu bangsa. Berikan unsur-unsur berikut.

(4 markah)

(4) Pendidikan individu adalah pendidikan yang perlu dikuasai oleh setiap Muslim. Jelaskan pendidikan yang perlu dikuasai oleh individu Muslim untuk menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat.

(2 markah)

(5) Perincian prinsip-prinsip yang perlu dihayati dan dilaksanakan dalam hubungan masyarakat Islam dengan masyarakat yang lain.

(4 markah)

**[ 25 Markah ]**

**Soalan Kedua**

(1) Huraikan konsep *faridah Islamiyyah* dalam pembinaan tamadun Islam.

(3 markah)

(2) Berikut adalah elemen yang terdapat di dalam pembinaan keluarga Islam. Huraikan setiap elemen dengan terperinci:

- a) Pertunangan
- b) Akad
- c) Poligami

(6 markah)

(3) Al-Quran adalah sumber tamadun Islam. Nilai-nilai di dalam Al-Quran dijadikan panduan utama dalam pembinaan tamadun Islam. Huraikan nilai-nilai yang terdapat di dalam Al-Quran.

(4 markah)

(4) Jelaskan perbezaan zakat fitrah dan zakat harta..

(2 markah)

(5) Masyarakat yang bertamadun mengikut konteks Islam adalah masyarakat yang mempunyai hubungan yang baik dengan Allah dan alam seluruhnya. Hubungan dengan Allah dapat dijaga dengan melakukan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang. Kealpaan manusia dalam menjaga hubungan dengan Allah menyebabkan masyarakat sesebuah tamadun itu rosak dan hilang keberkatannya. Berikan pendapat kamu tentang tindakan yang perlu dilakukan seorang Muslim untuk mengekang kerosakan yang berlaku dalam masyarakat disebabkan rosaknya hubungan masyarakat dengan Allah.

(10 markah)

**[ 25 Markah ]**